

SOALAN LAZIM
KEMPEN STAY SAFE & WIN SSPN-i 2021

1. **Soalan:**
Apakah Kempen **Stay Safe & Win SSPN-i 2021**?

Jawapan:

Kempen **Stay Safe & Win SSPN-i 2021** adalah untuk menggalakkan serta meningkatkan kesedaran umum terhadap kelebihan simpanan untuk masa depan, sekali gus memperkukuhkan lagi jenama Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN). Kempen ini terbahagi kepada **Tiga (3) Kategori** iaitu **Kategori Platinum**, **Kategori Gold** dan **Kategori Silver**.

2. **Soalan:**
Bilakah kempen ini bermula?

Jawapan:

Kempen ini bermula pada **1 Jun 2021** dan berakhir pada **30 September 2021**.

3. **Soalan:**
Siapakah yang layak untuk menyertai kempen ini?

Jawapan:

Kempen ini adalah untuk pendeposit SSPN-i sahaja.

4. **Soalan:**
Apakah syarat – syarat untuk menyertai Kempen **Stay Safe & Win SSPN-i 2021**?

Jawapan:

Syarat – syarat untuk menyertai kempen ini adalah seperti berikut:

- i. Terbuka kepada pendeposit **SSPN-i**;
- ii. Kempen ini tidak layak disertai oleh kakitangan PTPTN (merangkumi pasangan dan anak – anak);
- iii. Pendeposit perlu membuka akaun atau membuat penambahan simpanan di dalam tempoh kempen bagi melayakkan kategori berikut:-

| Kategori | Simpanan Bersih |
|-----------------|--------------------------|
| Platinum | RM15,000.00 dan ke atas |
| Gold | RM8,000.00 – RM14,999.99 |
| Silver | RM200.00 – RM7,999.99 |

Bilangan cabutan adalah berdasarkan kepada setiap simpanan bersih RM50.00 melayakkan satu (1) cabutan. Tiada had bilangan.

- iv. Setiap simpanan bersih RM50.00 yang dibuat akan melayakkan satu (1) cabutan;
- v. Pendeposit perlu membuat pengekalan simpanan **selama TIGA (3) BULAN** selepas tamat tempoh kempen iaitu bermula **Oktober sehingga Disember 2021**;
- vi. Pendeposit perlu memastikan akaun kekal aktif (akaun tidak ditutup) sehingga tarikh cabutan.

5. Soalan:

Adakah pendeposit layak menyertai semua kategori untuk kempen ini?

Jawapan:

Tidak layak, kerana penentuan kelayakan adalah berdasarkan simpanan bersih bagi satu (1) kategori sahaja.

6. Soalan:

Adakah pendeposit dibenarkan membuat pengeluaran sepanjang tempoh pengekalan?

Jawapan:

Tidak. Pendeposit tidak dibenarkan membuat pengeluaran sepanjang tempoh pengekalan selama TIGA (3) BULAN iaitu bermula Oktober sehingga Disember 2021 daripada mana-mana akaun yang didepositkan dalam tempoh kempen.

7. Soalan:

Di manakah pendeposit boleh membuat penambahan simpanan SSPN-i?

Jawapan:

Pendeposit boleh membuat penambahan simpanan secara *online* dengan melayari www.lovespni.com di kaunter cawangan PTPTN atau melalui ejen-ejen sah yang telah dilantik.

8. Soalan:

Adakah permohonan perlu dibuat untuk melayakkan pendeposit menyertai Kempen **Stay Safe & Win SSPN-i 2021**?

Jawapan:

Tidak perlu kerana kelayakan Kempen **Stay Safe & Win SSPN-i 2021** ini adalah automatik bagi pendeposit yang layak.

9. Soalan:

Jika pendeposit meninggal dunia, adakah akaun tersebut masih layak untuk menyertai cabutan?

Jawapan:

Layak, tertakluk kepada terma dan syarat simpanan.

10. Soalan:

Bilakah tarikh cabutan akan dibuat?

Jawapan:

Secara tentatifnya, tarikh cabutan adalah 20 hari selepas tamat tempoh pengekalan. Walau bagaimanapun, tarikh ini mungkin akan berubah mengikut keperluan dan keadaan semasa.

11. Soalan:

Apakah hadiah yang ditawarkan untuk kempen ini?

Jawapan:

Hadiah yang ditawarkan kepada pemenang adalah:

Kategori Platinum

| Tempat | Hadiah | Bilangan Pemenang |
|----------|---------------------------------|-------------------|
| Pertama | Kereta Proton X50 | 1 Pemenang |
| Kedua | Baucar Barang Kemas RM10,000 | 1 Pemenang |
| Ketiga | Komputer Riba Apple Macbook Air | 1 Pemenang |
| Saguhati | Tunai SSPN-i bernilai RM800 | 10 Pemenang |

Kategori Gold

| Tempat | Hadiah | Bilangan Pemenang |
|----------|-----------------------------------|-------------------|
| Pertama | Kereta Perodua Myvi 1.5cc | 1 Pemenang |
| Kedua | Komputer Riba DELL intel® Core i5 | 1 Pemenang |
| Ketiga | Baucar Barang Kemas RM5,000 | 1 Pemenang |
| Saguhati | Tunai SSPN-i bernilai RM500 | 10 Pemenang |

Kategori Silver

| Tempat | Hadiah | Bilangan Pemenang |
|----------|-----------------------------------|-------------------|
| Pertama | Motosikal Yamaha Y15zr | 1 Pemenang |
| Kedua | Komputer Riba DELL intel® Core i3 | 1 Pemenang |
| Ketiga | Baucar Barang Kemas RM2,000 | 1 Pemenang |
| Saguhati | Tunai SSPN-i bernilai RM200 | 10 Pemenang |

12. Soalan:

Bagaimanakah makluman kepada pemenang Kempen **Stay Safe & Win SSPN-i 2021** akan dibuat?

Jawapan:

Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman portal rasmi PTPTN: www.ptptn.gov.my

13. Soalan:

Bilakah hadiah berbentuk ganjaran tunai akan dikreditkan kepada pemenang?

Jawapan:

Hadiah ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) dalam **tempoh DUA (2) BULAN** dari tarikh cabutan. Pendeposit boleh menyemak penyata simpanan di Portal Rasmi PTPTN (www.ptptn.gov.my) atau menghubungi talian Careline 03-21933000 untuk info lanjut.

14. Soalan:

Adakah hadiah tunai **Stay Safe & Win SSPN-i 2021** layak untuk potongan cukai di bawah SSPN?

Jawapan:

Tidak layak, ini adalah kerana hadiah tunai **Stay Safe & Win SSPN-i 2021** yang ditawarkan kepada pendeposit tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada potongan yang layak dituntut oleh pendeposit. Potongan yang dituntut adalah terhad kepada amaun tabungan bersih (jumlah caruman pendeposit) di dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) yang dilakukan oleh seseorang individu yang terhad kepada RM8,000.00 dalam sesuatu tahun sahaja.

Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma – terma dan syarat – syarat penuh Kempen **Stay Safe & Win SSPN-i 2021**.

Maklumat dikemaskini pada 28 Mei 2021